



15 Mei 2015  
15 May 2015  
P.U. (A) 86

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2015

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(NO. 2) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965**

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mei 2015.

**Peremitan cukai**

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) Jambatan Kedua Sdn. Bhd. yang baginya Akta terpakai menurut kuasa di bawah Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Jambatan Kedua Sdn. Bhd.) 2009 [P.U. (A) 29/2009];

(b) mana-mana pemegang Sukuk Murabahah; atau

(c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Sukuk Murabahah atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

### **Peremitan duti setem**

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

### **Pemakaian**

4. Perintah ini hendaklah terpakai bagi:

- (a) Sukuk Murabahah yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd. menurut Program Sukuk Murabahah dengan nilai nominal sehingga empat bilion enam ratus juta ringgit (RM4,600,000,000.00);

Dengan syarat bahawa, agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Sukuk Murabahah dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Kredit Pusingan Murabahah Tawarruq Bersindiket Jangka Pendek, yang disebut “Pembiayaan Bersindiket RC-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi empat bilion enam ratus juta ringgit (RM4,600,000,000.00);

- (b) Pembiayaan Bersindiket RC-i dengan amaun agregat prinsipal belum berbayar tidak melebihi satu bilion lima ratus juta ringgit (RM1,500,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a);
- (c) Program Sukuk Murabahah dengan nilai nominal sehingga empat bilion enam ratus juta ringgit (RM4,600,000,000.00); dan
- (d) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Sukuk Murabahah, Program Sukuk Murabahah dan Pembiayaan Bersindiket RC-i.